



“
KAEDAH “TANGKAP DAN BUNUH” ADALAH
KAEDAH PENGAWALAN HAIWAN YANG
SUDAH KETINGGALAN ZAMAN, TIDAK
BERKESAN, MAHAL DAN KEJAM TERHADAP
HAIWAN-HAIWAN TERSEBUT. KITA MESTI
MENGAMALKAN STRATEGI KAEDAH
PENGAWALAN HAIWAN YANG
BERPERIKEMANUSIAAN, BERKESAN DAN
LEBIH MENJIMATKAN KOS. INILAH PRINSIP
STRAY FREE SELANGOR.

CHRISTINE CHIN,
PENGERUSI SPCA SELANGOR

“



SPCA Selangor merupakan sebuah Badan Amal Bukan Kerajaan (No. Pendaftaran 1320) yang telah ditubuhkan pada tahun 1958 di Ampang Jaya, Selangor, Malaysia. Sepanjang pertubuhannya, organisasi ini telah menerima banyak sokongan dan pengiktirafan daripada para pencinta haiwan di seluruh Malaysia.

SPCA SELANGOR


JALAN KERJA AYER LAMA, AMPANG JAYA,
68000 SELANGOR

TEL 03 4256 5312

E-MAIL ENQUIRIES@SPCA.ORG.MY

FB [SPCA SELANGOR, MALAYSIA](#)

WWW.SPCA.ORG.MY



DULI YANG MAHA MULIA TENGKU
PERMAISURI SELANGOR,
TENGKU PERMAISURI NORASHIKIN
PENAUNG DIRAJA

KEMPEN STRAY FREE SELANGOR

KAEDAH YANG BERPERIKEMANUSIAAN



APAKAH ITU KEMPEN STRAY FREE SELANGOR?

Kempen Stray Free Selangor (SFS) - Kaedah yang berperikemanusiaan merupakan sebuah visi di mana semua makhluk bernyawa mempunyai tempat tinggal yang selamat dan pada masa yang sama, haiwan jalanan seperti anjing dan kucing dilayan dengan penuh ihsan dan timbang rasa.

Kaedah “tangkap dan bunuh”, iaitu kaedah yang digunakan pada masa kini bagi menangani isu lambakan haiwan jalanan di Selangor merupakan kaedah yang tidak berperikemanusiaan, tidak efektif malah menelan belanja yang besar untuk dilaksanakan. Apabila haiwan jalanan di sebuah kawasan itu ditangkap, kawasan itu akan kembali dipenuhi haiwan jalanan yang lain dan kitaran ini akan terus berulang kembali.

SFS menumpukan kepada pendidikan ihsan, pengkiasan (pemandulan) haiwan bervolum tinggi dan peranan kerajaan tempatan dalam mencari kaedah yang efektif berkesan dan berperikemanusiaan bagi mengawal populasi haiwan jalanan di Malaysia khususnya di Selangor.

PENDIDIKAN IHSAN Menawarkan Bengkel "Responsible Pet Ownership" (RPO), Program DogCare dan Program CatCare di sekolah, universiti dan komuniti kawasan kejiranian.


PENGKIASAN (PEMANDULAN) HAIWAN JALANAN BERVOLUM TINGGI Kerjasama yang erat antara Majlis Perbandaran, Jabatan Perkhidmatan Haiwan (DVS), sektor swasta, penyelamat haiwan dan badan-badan bukan kerajaan (NGOs) bagi menjayakan visi ini.

PERANAN KERAJAAN TEMPATAN Berusaha bagi menyediakan habitat untuk haiwan jalanan yang telah dikasi serta tidak agresif, melaksanakan undang-undang khusus bagi mewajibkan pengkiasan haiwan dan melaksanakan seminar RPO untuk pemilik anjing setempat.

MESEJ DARI DULI YANG MAHA MULIA TENGKU PERMAISURI SELANGOR, TENGKU PERMAISURI NORASHIKIN

Saya pasti rakyat Malaysia dapat mengaitkan kisah ini dengan kehidupan mereka sendiri. Adalah mustahil bagi kita untuk tidak melihat haiwan jalanan berkeliaran di Malaysia. Saya membesar dengan kucing. Walaupun kucing-kucing tersebut bukan kepunyaan kami, setiap kali kami berpindah, kucing-kucing tersebut seakan mengetahui bahawa keluarga kami merupakan pencinta haiwan. Akhirnya, kami memberi makanan kepada kucing-kucing liar di sekitar kediaman dan kesudahannya mereka tinggal bersama kami. Pada masa itu, pengkiasan haiwan adalah sesuatu yang sangat asing bagi kami. Kebanyakkan anak kucing mati akibat daripada penyakit dan juga akibat daripada pengurusan yang tidak baik.

Idea pengkiasan menjadi popular kira-kira 10 tahun yang lalu. Sejak itu, saya mula menerima serta menyokong idea tersebut dengan sepenuh hati. Saya dapat lihat dengan jelas bahawa pengkiasan merupakan kaedah yang berkesan bagi mengurangkan populasi haiwan jalanan sama ada kucing maupun anjing. Sejak itu, saya mula bergiat aktif dalam menyelamatkan dan mengkiasi kucing jalanan. Sehingga kini, saya memiliki lebih daripada 10 kucing jalanan yang telah saya



Anak kucing 'rescue' saya Kelly: dulu dan sekarang



Anak kucing 'rescue' saya Maebe: dulu dan sekarang

selamatkan dan telah dikasi. Kucing-kucing itu diselamatkan dari pasar, tepi-tepi jalan dan di restoran yang sering saya kunjungi. Niat asal saya menyelamatkan kucing-kucing jalanan ini adalah bagi dijadikan sebagai haiwan peliharaan kepada pemilik baharu. Namun, ianya merupakan satu proses yang sukar bagi kedua-dua anak saya. Mereka semakin lama semakin menyayangi kucing-kucing tersebut. Oleh itu, saya terpaksa mengalah dengan pujuk rayu anak-anak saya dan akhirnya kebanyakan kucing tersebut menjadi haiwan peliharaan kami sekeluarga.

Telah menjadi suatu kebiasaan bagi saya untuk menyimpan makanan kucing dan anjing di dalam kereta. Walaupun saya tidak dapat menyelamatkan haiwan-haiwan tersebut, sekurang-kurangnya saya dapat memberi mereka makanan kerana sukar bagi saya untuk mengabaikan makhluk-makhluk ini.

Saya menggalakkan rakyat jelata untuk menerima idea pengkiasan terutamanya kepada haiwan jalanan untuk mengawal populasi mereka. Bukan sahaja cara ini berperikemanusiaan, malah ianya juga adalah satu cara yang efektif bagi merawat serta menjaga haiwan jalanan lantas baik untuk kesejahteraan negara ini. Matlamat kita untuk menjadi sebuah negara yang membangun hanya akan direalisasikan sekiranya kita semua menjaga haiwan jalanan di negara ini dengan baik. Kini, pengkiasan adalah satu langkah awal yang elok untuk diamalkan.

Marilah kita semua bersatu tenaga untuk menjadikan Selangor sebagai Negeri Bebas Haiwan Jalanan. Saya berharap kempen ini menjadi sebuah platform pemangkin bagi Malaysia menjadi Negara Bebas Haiwan Jalanan pada masa yang akan datang.

“
PINJAMKAN SUARA ANDA KEPADA
MEREKA YANG TIDAK MAMPU BERSUARA.
SPAY. NEUTER. ADOPT

SELAMATKAN HAIWAN JALANAN
HARI INI!

THANUJA ANANTHAN,
DUTA SPCA SELANGOR



“
KEKEJAMAN TERHADAP HAIWAN TIDAK
BOLEH DIPANDANG RINGAN. SEMUA
RAKYAT MALAYSIA, BADAN BUKAN
KERAJAAN, DAN PIHKAT BERKUASA
TEMPATAN HENDAKLAH BERSAMA-SAMA
MENJAGA KEBAJIKAN SEMUA HAIWAN.

TAN SRI LEE LAM THYE,
PENAUNG SPCA SELANGOR



“
KEKEJAMAN TERHADAP HAIWAN TIDAK
BOLEH DIPANDANG RINGAN. SEMUA
RAKYAT MALAYSIA, BADAN BUKAN
KERAJAAN, DAN PIHKAT BERKUASA
TEMPATAN HENDAKLAH BERSAMA-SAMA
MENJAGA KEBAJIKAN SEMUA HAIWAN.

TAN SRI LEE LAM THYE,
PENAUNG SPCA SELANGOR